

09 APR 2002

Parlimen-Gulung (Jenayah)

RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Rang Undang-undang Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 yang bertujuan membolehkan Malaysia memperolehi dan memberi bantuan bersama dalam perkara yang membabitkan jenayah dengan negara lain, diluluskan Dewan Rakyat hari ini.

Rang undang-undang yang mengandungi 44 Fasal itu diluluskan tanpa pindaan selepas dibahaskan oleh tiga anggota Parlimen.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar semasa menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata kerjasama antarabangsa dalam perkara yang berkaitan dengan jenayah diperlukan kerana polar jenayah pada masa kini melibatkan kegiatan jenayah yang merentasi sempadan antarabangsa.

Katanya kegiatan jenayah rentas sempadan oleh kumpulan penjenayah itu membabitkan aktiviti seperti pengedaran dadah, penyeludupan manusia khususnya wanita dan kanak-kanak, penyeludupan senjata, keganasan dan kegiatan lanun.

"Kerjasama ini diperlukan untuk mengatasi kelemahan dalam sistem keadilan dunia supaya penjenayah tidak dapat berselindung di mana-mana negara dan terlepas dari pengadilan disebabkan perbezaan dalam undang-undang jenayah dan kesukaran memperolehi bukti mengenai kesalahan jenayah," katanya.

Katanya antara kelemahan yang dikenal pasti ialah wujudnya perbezaan antara kehendak sistem sivil dan "Common law" dan antara kehendak undang-undang di negara-negara yang berlainan.

Beliau berkata penggubalan konvensyen dan perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang berkaitan dan kemasukan khusus mengenai bantuan bersama dalam perkara yang berkaitan jenayah, bertujuan menyelaraskan dan mengurangkan perbezaan sistem dan kehendak undang-undang terutamanya yang berlatarbelakangkan undang-undang sivil dan "common law".

Noh berkata sekiranya semua negara menerima pakai konvensyen PBB itu dan mengemaskini undang-undang domestiknya, semua perbezaan akan dapat diatasi.

Malaysia sedang meneliti konvensyen berkaitan dan sedang berusaha ke arah itu, katanya.

Setiausaha Parlimen itu berkata rang undang-undang terbabit merupakan tindakbalas Malaysia terhadap inisiatif badan antarabangsa untuk mengadakan suatu sistem bantuan bersama dalam perkara yang berkaitan dengan jenayah yang menyeluruh dan berkesan.

Mengenai kerjasama sedia ada, Noh berkata ia membabitkan ekstradisi, kerjasama dalam menyekat dan melucuthakkan harta hasil kegiatan jenayah, pemindahan banduan untuk menerima hukuman di negara asalnya dan pemindahan prosiding.

Katanya setakat ini, Malaysia mempunyai perjanjian ekstradisi dengan empat negara iaitu Indonesia, Thailand, Amerika Syarikat dan Hong Kong dan telah menggubal Akta Ekstradisi 1992.

Bagi bantuan bersama dalam perkara berkaitan jenayah, kerajaan mempunyai Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakkan Harta) 1988 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.

Mengenai siasatan kes Perwaja Steel Sdn Bhd yang dibangkitkan oleh Husam Musa (PAS-Kubang Kerian), Noh berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah memulakan siasatan sejak 1996 dan siasatan dianggap selesai apabila BPR mendapat semua bukti.

Katanya BPR telah menggunakan segala peruntukan undang-undang sedia ada dan memohon kerjasama daripada negara asing seperti Switzerland, Hong Kong dan Jepun kerana ia melibatkan pelbagai transaksi dalam dan luar negara.

Beliau berkata hanya selepas Mei tahun lepas, BPR mendapat kerjasama menggalakkan serta beberapa bukti penting daripada pihak berkuasa Switzerland manakala kerjasama dengan pihak berkuasa Jepun diperolehi tahun lepas.

Noh berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai siasatan kes Perwaja di London, Februari lepas menunjukkan ketegasan kerajaan supaya pihak yang terbabit dibawa ke muka pengadilan.

Beliau berkata kerajaan telah menyegerakan pembentangan rang undang-undang itu, mengatasi rang undang-undang lain yang terlebih dahulu dibacakan, bagi menyelesaikan segera kes-kes jenayah yang melibatkan negara asing.

Terdahulu, semasa membentangkan cadangan rang undang-undang itu, Noh berkata ia bertujuan membolehkan Malaysia memberi dan memperolehi bantuan antarabangsa dalam perkara yang berkaitan dengan jenayah termasuk memberi dan memperolehi keterangan dan barangan, membuat perkiraan untuk orang memberikan keterangan atau membantu dalam siasatan kes jenayah.

Ia juga bertujuan mendapatkan, melucuthakkan atau merampas harta yang membabitkan sesuatu kesalahan berat; menyekat urusan harta atau membekukan harta; melaksanakan permintaan bagi penggeledahan dan penyitaan; mencari dan mengenal pasti orang yang disyaki; mengenal pasti atau mengesan hasil jenayah, harta dan peralatan yang didapati atau digunakan dalam perlakuan sesuatu kesalahan berat serta memeriksa barangan dan premis.

Rang undang-undang itu antara lain memberi Peguam Negara kuasa untuk meminta pihak berkuasa asing mengatur supaya keterangan diambil di negara terbabit dan dihantar ke sini selain membawa orang yang terbabit ke negara ini untuk memberi keterangan atau bantuan yang melibatkan sesuatu perkara jenayah yang dilakukan di Malaysia.

-- BERNAMA  
HS HS LAT